

SENARIO MASALAH AKHLAK REMAJA MUSLIM DARI PERSPEKTIF PAKAR TERPILIH DI MALAYSIA

THE SCENARIO OF MORAL ISSUES AMONG MUSLIM YOUTHS FROM THE PERSPECTIVE OF SELECTED EXPERTS IN MALAYSIA

Mohd Erfino Johari¹

Norazmi Anas^{2*}

Muhammad Ghazi Faris Abdul Mutalib³

Madihatun Zainuddin¹

¹ Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Malaysia
(E-mail: erfino@uptm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, Malaysia
(E-mail: norazmianas@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia
(E-mail: ghazifaris93@gmail.com)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Johari, M. E., Anas, N., Mutalib, M. G. F. A., & Zainuddin, M. (2025). Senario masalah akhlak remaja muslim dari perspektif pakar terpilih di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 723 - 736.

Abstrak: Akhlak merupakan asas ajaran Islam selain akidah dan syariah yang berperanan sebagai penanda aras pembangunan sesebuah tamadun. Kewujudan masyarakat berakhlak mulia membuktikan pendidikan jati diri Islam berjaya diterapkan hasil peranan yang dimainkan oleh semua pihak seterusnya pemangkin kepada pembangunan sebuah negara madani ke arah kesejahteraan sebuah negara bangsa Malaysia. Walaupun begitu, gejala keruntuhan akhlak remaja Muslim pada hari ini semakin meningkat dan membimbangkan seterusnya menjadi ancaman besar terhadap kemenjadian generasi pelapis negara pada masa depan. Ia berpunca dari kurangnya didikan agama, latar belakang keluarga yang bermasalah, nilai pendidikan yang rendah, teknologi yang berleluasa dan pengaruh rakan yang memberi kesan terhadap individu, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, objektif penulisan kertas kerja ini ialah mengenalpasti senario masalah akhlak remaja Muslim dari perspektif pakar terpilih di Malaysia. Reka bentuk kajian kualitatif berpendekatan kajian kes menggunakan instrumen temu bual terhadap enam orang pakar terpilih dari Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA), Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Kebangsaan (PINTA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kesemua informan kajian telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan (purposif), manakala data-data temu bual telah dianalisis menggunakan analisis tematik berbantuan perisian ATLAS ti9. Dapatan kajian mendapati keruntuhan akhlak remaja Muslim pada hari ini sangat meruncing dan membimbangkan. Ia berpunca dari faktor dalaman dan faktor luaran yang menjadi ancaman dan cabaran besar dalam pembentukan generasi pelapis negara pada masa depan. Kesan-kesan keruntuhan akhlak remaja Muslim bukan sahaja kepada diri sendiri, malahan memberi kesan negatif kepada keluarga dan masyarakat. Maka,

rawatan-rawatan tertentu diperlukan sama ada berbentuk spiritual, psikologi mahu pun perubatan agar remaja kembali sembuh mental, emosi dan jasadnya demi melahirkan remaja yang sihat dan stabil demi pembangunan sebuah negara bangsa madani yang diidamkan oleh kerajaan Malaysia.

Kata Kunci: *Senario, Masalah Akhlak, Remaja, Muslim, Pakar Terpilih, Malaysia*

Abstract: *Morality is a fundamental component of Islamic teachings, alongside faith ('aqidah) and Islamic law (shariah), serving as a benchmark for the development of a civilization. The existence of a morally upright society signifies the successful internalization of Islamic self-identity education, resulting from the collective efforts of all parties and acting as a catalyst for the development of a madani (civilized) nation, contributing to the well-being of the Malaysian nation-state. However, moral degradation among Muslim youths today is increasingly alarming and poses a significant threat to the formation of the nation's future generation. This phenomenon stems from a lack of religious education, problematic family backgrounds, low educational values, rampant technology use, and peer influences—all of which affect individuals, families, and society at large. Therefore, the objective of this paper is to identify the scenario of moral issues among Muslim youths from the perspective of selected experts in Malaysia. This qualitative study adopts a case study approach using interviews as the research instrument, involving six selected experts from the Malaysian Association of Tahfiz Al-Quran Madrasahs (PERMATA), the Coalition of National Tahfiz Institutions (PINTA), Sultan Idris Education University (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM), and Universiti Teknologi MARA (UiTM). All study informants were selected through purposive sampling, while the interview data were analyzed using thematic analysis with the assistance of ATLAS.ti9 software. The findings reveal that the moral decay among Muslim youths today is severe and worrisome. It is driven by both internal and external factors, posing significant threats and challenges to the formation of the nation's next generation. The effects of this moral decline extend beyond the individual, impacting families and society negatively. Therefore, specific interventions—whether spiritual, psychological, or medical—are necessary to restore the mental, emotional, and physical well-being of youths, in order to cultivate healthy and stable individuals who can contribute to the development of the aspired madani Malaysian nation.*

Keywords: *Scenario, Moral Issues, Muslim, Youths, Selected Experts, Malaysia*

Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, isu keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin membimbangkan dan sering dilaporkan di media elektronik dan cetak. Remaja merupakan anugerah Allah SWT serta aset penting dalam pembangunan negara masa depan. Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab memberi pendidikan, perlindungan dan membentuk peribadi anak-anak yang berakhlak mulia. Menurut Muda et al. (2017), remaja yang mengalami gangguan emosi lebih cenderung melakukan perbuatan menyalahi undang-undang dan tidak bermoral. Namun, realitinya ibu bapa kini sering terikat dengan beban kerja dan tanggungjawab harian sehingga mengabaikan tugas utama dalam mendidik anak-anak. Menurut Aziddin et al. (2018), kerapuhan institusi keluarga merupakan antara punca utama remaja terjerumus dalam keruntuhan akhlak. Kesibukan ibu bapa menyebabkan anak-anak dibiarkan bermain gajet tanpa kawalan sebagai ganti pengawasan secara langsung. Keadaan ini menyumbang kepada kurangnya masa berkualiti antara ibu bapa dan anak-anak. K. Jussly Elis dari SKMM turut menyatakan bahawa kesibukan harian sering dijadikan alasan utama ibu bapa mengabaikan

tanggungjawab terhadap anak-anak. Bahkan, memberi kebebasan tanpa kawalan terhadap aktiviti anak boleh mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan akhlak mereka.

Menurut Desa et al. (2018) masyarakat pada hari ini mengalami keruntuhan akhlak di tahap yang bahaya kerana dicemari pelbagai bentuk kerosakan akhlak. Masalah keruntuhan akhlak ini disokong lagi oleh Abu Bakar et al. (2017) yang mana beliau mengatakan rogol, zina, dadah, dan pembuangan bayi seringkali didengari di media massa. Tambahnya lagi, kekurangan didikan agama menjadi penyebab berlakunya kes jenayah dan salah satunya adalah jenayah rogol yang mengancam hak wanita dan kehormatan. Merujuk kepada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan pesalah juvana menurun 10.3% daripada 5,096 kes (2014) kepada 4,569 kes (2015). Kesalahan pertama turut mencatatkan penurunan 12.1%. Sebaliknya, kesalahan berulang mencatatkan kenaikan 12.4% daripada 371 kes (2014) kepada 417 kes (2015). Seterusnya, bilangan pesalah juvana pula meningkat sebanyak 2.7% kepada 5,294 kes pada 2018. Kesalahan pertama kali menurun sebanyak 6.7% kepada 4,619 kes pada 2018 manakala kesalahan berulang meningkat 37.5% kepada 675 kes berbanding tahun sebelum. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti senario masalah akhlak remaja Muslim dari perspektif pakar terpilih di Malaysia.

Sorotan Literatur

Gejala keruntuhan akhlak remaja Muslim pada hari ini semakin meningkat dan membimbangkan yang menjadi ancaman besar untuk mencapai kemajuan dan pembangunan negara (Zainal Abidin et al., 2024). Selain itu, persekitaran sosial juga memberi impak terhadap pembentukan akhlak remaja kerana lingkungan kehidupan memberi pengaruh yang besar terhadap pembentukan akhlak mereka sama ada berakhlak baik atau sebaliknya (Azizan et al., 2021). Menurut Ibrahim et al. (2020), keruntuhan akhlak merujuk perlakuan yang melanggar etika Islam dan norma kehidupan yang membawa kepada kerosakan jiwa dan nilai-nilai yang baik dalam dirinya seperti ponteng sekolah, melawan guru, pembulian dan sebagainya. Masalah ini jika tidak dibendung boleh membawa kepada salah laku keruntuhan akhlak yang lebih serius seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, minum minuman keras, penyalahgunaan dadah, pelacuran, isu pembuangan bayi dan pelbagai lagi gejala sosial yang lain.

Menurut Wan Ismail et al. (2022), terdapat lima (5) punca berlakunya keruntuhan akhlak remaja iaitu kurangnya didikan agama, latar belakang keluarga yang bermasalah, nilai pendidikan yang rendah, teknologi yang berleluasa dan pengaruh rakan sebaya. Lebih parah lagi, beberapa faktor kekeluargaan menyumbang kepada berlakunya kes-kes penzinaan seperti perceraian antara kedua ibu bapa, kegagalan komunikasi yang efektif dan berkesan antara ahli keluarga, kongkongan yang keterlaluan kepada anak-anak, keluarga sendiri yang mengamalkan perbuatan zina, pengambilan dadah dan pengeksploitasian remaja dalam aktiviti pelacuran oleh ahli keluarga sendiri (Wan Ismail et al., 2022). Ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak agar menjadi manusia berguna, maka jika ibu bapa sendiri tidak mempunyai ilmu agama yang cukup serta tidak mengamalkannya ia akan memberikan kesan yang buruk kepada anak-anak itu sendiri. Ia disokong oleh dapatan kajian Mohamed et al. (2022) dan Ibrahim et al. (2020) yang menunjukkan bahawa ketidakpatuhan ibu bapa terhadap ajaran agama Islam menjadi salah satu faktor keruntuhan akhlak remaja. Ibu bapa dianggap sebagai 'role model' kepada anak-anak yang akan mengikuti setiap tingkah laku dan sikap ibu bapa mereka serta perlu memastikan anak-anak memahami tanggungjawab mereka diciptakan serta menjadi masyarakat yang mampu memberi manfaat, tidak lain hanyalah untuk mencari reda Allah SWT (Nasiruddin et al., 2021).

Selain itu, sifat ingin tahu dan mencuba perkara baharu juga menyebabkan remaja terjerumus dalam kancah keruntuhan akhlak masa kini tanpa menghiraukan sebab dan akibat dari

perbuatan tersebut (Kirin, 2024). Seterusnya, dalam konteks penggunaan teknologi moden seperti internet dan media sosial, penggunaannya tanpa kawalan memberi impak negatif terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja dari aspek keganasan dan pornografi, fesyen, hubungan silaturahim serta perkataan dan perbuatan (Noor Zainan et al., 2021). Dapatan kajian Razak et al. (2021) mendapati bahawa gejala pornografi semakin meningkat dalam kalangan remaja lingkungan umur 11-22 tahun yang mempengaruhi akhlak dan pemikiran mereka. Peranti yang semakin canggih seperti telefon pintar membolehkan remaja mengakses laman sesawang dan kandungan pornografi dengan mudah seterusnya menyebabkan ketagihan yang semakin sukar dirawat jika tidak ditangani pada peringkat awal. Keruntuhan akhlak remaja Muslim masa kini mendatangkan kesan terhadap individu, keluarga dan masyarakat (Abdul Rahim et al., 2022) seperti berikut:

- i. Individu: Remaja yang berakhlak buruk memberikan imej negatif kepada dirinya sendiri, leka dengan keseronokan duniawi dan melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral.
- ii. Keluarga: Sikap buruk yang ditonjolkan oleh anak-anak atau remaja mencerminkan imej keluarga dengan anggapan bahawa ibu bapa mereka gagal mendidik anak-anak dengan baik untuk menjadi insan berguna seterusnya dipandang serong oleh masyarakat.
- iii. Masyarakat: Masa depan masyarakat menjadi gelap dan menjejaskan keharmonian dalam masyarakat itu sendiri, masyarakat menjadi porak-peranda, berpecah belah, sikap prasangka buruk masyarakat terhadap kemampuan remaja, tidak yakin dengan kebolehan mereka dan berlakunya peningkatan kadar jenayah remaja dalam masyarakat.

Oleh yang demikian, gejala keruntuhan akhlak remaja pada masa kini yang semakin parah memerlukan jalan penyelesaian atau solusi yang ampuh dan berkesan supaya akhlak remaja dapat dipulihkan melalui pendekatan-pendekatan tertentu khususnya pendekatan berasaskan keagamaan yang selari dengan fitrah kemanusiaan. Jiwa remaja yang kosong serta diisi dengan perkara-perkara yang merosakkan menyebabkan mereka sanggup melanggar etika, ketidakpatuhan terhadap suruhan agama, melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak serta yang lebih dibimbangi mereka terjebak dengan tingkah laku jenayah yang boleh menggelapkan masa depan mereka kelak.

Berdasarkan pelbagai gejala akhlak remaja Muslim yang dikenalpasti dalam subtopik sebelum ini, kita perlu mencari jalan penyelesaian atau solusi serta strategi yang efektif dan berkesan dalam usaha menangani isu keruntuhan akhlak mereka dengan mengambil kira pandangan dan cadangan kajian-kajian ilmiah kontemporari. Antara cadangan untuk menangani keruntuhan akhlak remaja Muslim ialah (i) Penerapan asas agama, (ii) Peranan institusi kekeluargaan, (iii) Kesedaran terhadap nilai pendidikan, (iv) Bijak menggunakan teknologi dan (v) Memantau pergaulan anak-anak (Wan Ismail et al., 2022a). Selain itu, Kirin (2024) menambah keperluan bimbingan kaunseling, mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga dan mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah juga mampu mengelakkan dari remaja terlibat dalam kes-kes keruntuhan akhlak. Ditambah pula asas pembentukan institusi kekeluargaan Islam perlu diperkasa dengan menyediakan persekitaran yang selamat kepada remaja melalui kerjasama semua pihak termasuk kerajaan (Wan Ismail et al., 2022b).

Selain itu, Nawawi et al. (2022) mencadangkan pengamalan agama berdasarkan konsep *al-falah* terhadap remaja Muslim diyakini mampu membentuk keperibadian dan akhlak yang baik melalui amalan akhirat seperti aspek akidah, ibadah dan penyucian jiwa disamping amalan


dunia seperti aspek hubungan sesama manusia, keselamatan diri dan kesejahteraan jasad. Manakala Salleh et al. (2022) pula mencadangkan pendekatan tasawuf dalam pembangunan sahsiah generasi Z dengan menawarkan pembangunan aspek kerohanian dengan menekankan pembangunan roh, pembangunan akal, menjernihkan hati dan mengimbangi nafsu. Ia jelas menunjukkan satu signifikan kepada umat Islam bahawa tasawuf sebagai satu ilmu kerohanian Islam yang sah, pada hakikatnya dapat membantu umat Islam secara umumnya dan generasi Z secara khususnya dalam memperbaiki, membangun dan membentuk sahsiah diri ke arah yang lebih mampan dan hebat.

Dalam kes gejala berpacaran dalam kalangan remaja Muslim, Hodzori et al. (2022) menyarankan pelaksanaan pembudayaan positif berbentuk program Usrah dan pelaksanaan kaunseling menggunakan kaunseling Islam yang boleh dikategorikan sebagai kurikulum tersembunyi di sekolah berupaya memberikan pendidikan dan kesedaran dalam membentuk akhlak remaja berpacaran. Ia disokong oleh Yama et al. (2021) yang menegaskan bahawa *ikhtilat* atau pergaulan dalam Islam mempunyai beberapa garis panduan yang perlu diikuti seperti yang ditetapkan Islam iaitu pergaulan mestilah menurut syariat Islam, pergaulan bertujuan untuk menjaga silaturrahim, pergaulan digalakkan dengan orang-orang soleh dan pergaulan mestilah tanpa niat zina. Tambahan lagi dalam konteks ketagihan pornografi dalam kalangan remaja, mereka perlu diberi didikan dalam penggunaan sumber internet dan gajet yang betul. Selain itu, mereka juga perlu diberi kesedaran tentang etika, integriti dan tanggungjawab agar penggunaan media internet tidak disalahguna sehingga membawa kepada gejala pornografi yang boleh merosakkan akal, kesihatan fizikal, emosi dan juga akhlak mereka. Manakala Suhaime et al. (2023) mencadangkan model intervensi berasaskan pendekatan psikospiritual Islam sebagai langkah kawalan ketagihan pornografi. Ia selari dengan Musa dan Ahmad (2021) yang menyatakan bahawa dimensi seperti kecerdasan emosi, kepimpinan, spiritual, keterlibatan dan daya tahan mempunyai hubungan yang signifikan dalam pembentukan sahsiah dan akhlak remaja.

Selain itu, akidah dan akhlak merupakan dua asas Islam yang penting dalam pembentukan akhlak remaja Muslim. Dapatan kajian Mohd Zurita dan Engku Alwi (2022) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara akidah dan akhlak dalam pembentukan sahsiah masyarakat Islam terutamanya golongan remaja. Faktor-faktor berlakunya masalah sosial pada hari ini sebenarnya memberi kesan kepada masyarakat khususnya individu, masyarakat dan negara. Pertama, kesan kepada individu. Realiti semasa menunjukkan bahawa terdapat jurang antara akidah dan kepentingan akhlak dalam pembentukan individu Muslim dalam sesebuah masyarakat. Pihak berwajib perlulah peka terhadap punca-punca kemerosotan akhlak dengan menekankan peranan pendidikan bagi membentuk generasi yang berakhlak. Seterusnya, bagi memastikan aspek pendidikan berjalan lancar, usaha-usaha yang dilakukan perlulah selari dengan pembangunan negara. Ibu bapa berperanan penting dalam pembentukan nilai akhlak dalam sesebuah negara dengan menfokuskan pengajian akidah dan akhlak dalam pendidikan anak-anak bagi mengelakkan mereka terikut dengan ideologi moden yang semakin rancak dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Ia memberi kesan negatif yang akan menyebabkan akidah menjadi longgar (Abdullah, 2022). Oleh itu, ibubapa perlu memperkasakan pengisian rohani untuk menjaga akidah dan akhlak anak masing-masing. Jika individu Muslim itu melazimi serta melaksanakan akhlak mulia seperti yang dianjurkan al-Quran, maka akan lahir perasaan lemah-lembut, saling menghormati sesama manusia serta akan terhindar sikap suka menyakiti orang lain (Tantowi & Munadirin, 2022). Kita sebagai seorang individu Muslim, sewajarnya menjauhi akhlak mazmumah kerana akhlak ini sangat dibenci oleh Allah SWT.

Kedua, kesan kepada masyarakat. Sesuatu konflik akan berlaku sekiranya seseorang itu mempunyai masalah sosial yang tidak diterima oleh masyarakat. Seseorang itu akan dicaci dan dihukum maka berlakunya ketegangan dan hubungan silaturahim mula menjadi renggang. Oleh itu, masyarakat haruslah menerapkan nilai-nilai murni yang menjurus kepada perpaduan ummah dengan pegangan akidah yang kukuh sebagai panduan umat Islam ke arah penyatuan masyarakat Islam itu sendiri, menjaga perhubungan dengan masyarakat atau kaum lain di Malaysia melalui konsep perpaduan ummah dalam Islam (Yaacob, 2022). Tugas untuk memelihara akidah dan akhlak bukan semata-mata fardu ain ke atas individu, malahan juga menjadi fardu kifayah yang turut melibatkan masyarakat. Ajaran Islam adalah peraturan yang mengatur kehidupan manusia dengan perintah dan larangan tertentu. Maka, nilai Islam yang membina semangat setia kawan sesama rakyat Malaysia akan terbentuk hasil daripada hubungan akidah dan akhlak yang mantap. Antara kaedah untuk menguatkan hubungan akidah dan akhlak adalah mendidik masyarakat agar sentiasa mentaati perintah Allah SWT, memelihara seluruh anggota badan dari kemurkaan Allah SWT dan membentuk masyarakat yang ikhlas dan mempunyai rasa takut terhadap kemurkaan Allah SWT.

Ketiga, kesan kepada negara. Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang mengamalkan nilai murni dan akhlak mulia menurut al-Quran dan al-Hadis. Ajaran Islam tidak menghalang umatnya untuk bersosial namun perlulah berdasarkan landasan yang betul. Beberapa isu utama dalam kajian lepas membuktikan masalah salah laku interaksi sosial di media sosial semakin meningkat contohnya buli siber dan penipuan siber. Generasi muda yang akan menjadi pemimpin pada masa akan datang hendaklah menjaga imej negara dan menjadi seorang pemimpin dalam organisasi selari dengan tujuan yang telah ditetapkan oleh Islam. Selain itu, ada segelintir remaja yang memberi komen negatif kepada negara sendiri yang boleh mengakibatkan jatuhnya maruah negara di persada dunia. Oleh kerana media sosial hari ini terlalu memberi kebebasan dalam bersuara, anak muda semakin cenderung untuk berkongsi pandangan mereka atas sesuatu perkara (Ismail & Mujani, 2020). Agama Islam mengajar kita untuk menghormati orang lain terutamanya pemimpin kita. Maka, pembentukan akhlak dalam penggunaan media sosial amatlah dititik beratkan kerana dapat memberikesan yang buruk jika tiada pantauan. Terdapat banyak kajian telah dikenalpasti bahawa faktor-faktor pembelajaran sosial yang sangat memberi kesan dalam pembentukan akhlak pelajar (Daud et al., 2020).



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Metodologi

Rekabentuk kajian yang dipilih adalah bersifat kualitatif kajian kes. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual semi struktur. Pengkaji menentukan jumlah soalan yang akan digunakan dalam sesi temu bual serta boleh menambah soalan yang sesuai jika

maklumat yang diperoleh dari peserta kajian kurang jelas bagi maksud ‘in depth’ atau mendalam bagi menghuraikan secara terperinci tema utama kajian. Protokol temu bual semi struktur yang dicadangkan dilaksanakan sama ada secara bersemuka atau atas talian mengambil kira keselesaan peserta kajian. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Ia merujuk pemilihan sampel yang berkaitan dengan kajian berdasarkan tujuan tertentu dengan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik. Kesemua data temu bual telah dianalisis menggunakan analisis tematik berbantuan perisian ATLAS ti9.

Jadual 1: Pengkodan Peserta Kajian

Institusi	Kod
Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA)	PK1
Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA)	PK2
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	PK3
Universiti Sains Malaysia (USM)	PK4
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	PK5-PK6

Dapatan dan Perbincangan

Subtopik ini diuraikan mengikut empat tema utama kajian yang telah ditetapkan iaitu (i) Tahap akhlak remaja Muslim masa kini, (ii) Punca berlakunya masalah akhlak remaja Muslim, (iii) Jenis-jenis masalah akhlak remaja Muslim dan (iv) Rawatan terhadap masalah akhlak remaja Muslim.

Tahap Akhlak Remaja Muslim Masa Kini

“Kalau mengikutkan kajian-kajian yang dibuat dan juga secara umumnya, akhlak remaja pelajar-pelajar ataupun remaja Muslim secara umumnya boleh dikatakan mengikuti adat dan juga pendidikan agama yang diterapkan berdasarkan kepada dasar pendidikan negara dan juga dasar pendidikan agama yang berada di sesuatu negeri tersebut. Daripada dasarnya tahap akhlak remaja Melayu Muslim ataupun keseluruhannya pada tahap yang baik” (PK1)

“Kita lihat pada hari ini cabaran remaja muslim itu sangat tinggi. Dari sudut pergaulannya dan juga sosial media, pendedahan, orang kata pendedahan kepada dunia tanpa batasan” (PK2)

“Semakin merosot sebab banyak faktor seperti media, pendidikan, ibu bapa atau rakan-rakan” (PK3)

“Pada pendapat saya of course akhlak remaja muslim di Malaysia, secara umumnya, ada masih banyak ruang untuk dipertingkatkan” (PK4)

Berdasarkan petikan transkripsi di atas, PK1 menyatakan bahawa tahap akhlak remaja Muslim berada pada tahap baik berikutan mereka masih mengikut adat dan pendidikan agama yang diterapkan melalui dasar pendidikan negara, manakala PK3 pula menyatakan sebaliknya iaitu tahap akhlak remaja Muslim merosot disebabkan faktor media, pendidikan, ibu bapa dan rakan. Persepsi PK3 disokong oleh PK2 dengan menyatakan bahawa remaja Muslim pada hari ini mempunyai cabaran yang sangat tinggi dari sudut pergaulan di media sosial yang terbuka luas merujuk kepada dunia tanpa sempadan. Ia selari dengan dapatan kajian Kirin (2024) yang

menyatakan bahawa tahap akhlak remaja pada masa kini berada pada tahap rendah berikutan terlibat dalam pelbagai salah laku akhlak dan gejala sosial seperti melayari video pornografi, menyertai perlumbaan haram, merokok, penyalahgunaan dadah, berjudi, mencuri, berkhawat dan pelbagai lagi. Seterusnya, PK4 menambah bahawa akhlak remaja Muslim di Malaysia masih mempunyai ruang yang banyak untuk dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Punca Berlakunya Masalah Akhlak Remaja Muslim

“Kita nampak antara punca yang ketara ialah pertama environment. Iaitu dipanggil apa nama, open world sekarang. Itu environment open world, terbuka. Yang keduanya adalah kesibukan ataupun kurangnya masa terhadap pemerhatian remaja. Di samping tu juga, antara faktor lain adalah peraturan-peraturan ataupun perundangan yang wujud ketika ini, yang membolehkan remaja ini agak bebas” (PK1)

“Jadi, punca didikan daripada mak ayah dan persekitaran kawan-kawan yang sangat mencabar” (PK2)

“Kemudian, puncanya ibu bapa. Masa anak-anak dengan ibu bapa berbanding dengan kawan-kawan. Dengan kawan-kawan dan juga di sekolah. Pengaruh luar yang terlalu banyak. Jadi, itu faktor-faktor persekitaran, disamping media-media sosial yang berlaku. Mungkin satu lagi dari segi penguatkuasaan, undang-undang kerajaan dan sebagainya” (PK3)

“Pada pendapat saya, because of this movement atau gerakan untuk wanita bekerjaya, permasalahan akhlak ini sangat bergantung kepada nilai. Yang pertama, kemahiran keibubapaan. Masa, quality untuk ibu bersama anak-anak untuk turunkan nilai itu telah kurang. Yang kedua, institusi kekeluargaan. Ada isu pengabaian disini, disebabkan karier. Yang ketiga, pendidikan. Keempat, ia bergantung daripada hati” (PK4)

“Dari sudut kekeluargaan seperti kurang kasih sayang atau perhatian, ketidakstabilan institusi keluarga seperti ibubapa bercerai, ibu bapa mengabaikan tanggungjawab, trauma ibubapa terhadap masa lalu atau zaman kanak-kanak. Persekitaran (biah), pengaruh rakan dan media sosial turut menjadi punca” (PK5)

“Pertama, pada pandangan saya, based on pengalaman saya, dalam tempoh beberapa tahun ini puncanya adalah daripada keluarga. Komunikasi tiada. Ibu bapa meletakkan sasaran yang tinggi untuk remaja ini capai dalam akademik” (PK6)

Berdasarkan petikan transkripsi di atas, secara umumnya terdapat dua (2) faktor utama berlakunya masalah akhlak dalam kalangan remaja Muslim iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman melibatkan diri remaja itu sendiri, ketidakstabilan institusi kekeluargaan dan kemahiran keibubapaan. Kesibukan ibu bapa dalam pekerjaan masing-masing menyebabkan anak-anak atau remaja kurang mendapat didikan, kurang kasih sayang dan perhatian dan kurang berkomunikasi antara ahli keluarga terutamanya golongan wanita atau ibu. Situasi menjadi lebih parah apabila berlaku perceraian dalam sesebuah keluarga menyebabkan ibu bapa mengabaikan tanggungjawab yang mengakibatkan anak-anak terabai

dan menjadi mangsa keadaan (PK5). Selain itu, PK6 menambah bahawa terdapat juga ibu bapa yang meletakkan sasaran tinggi dalam akademik anak-anak yang mendatangkan tekanan kepada mereka untuk kekal cemerlang. Faktor dalaman yang dinyatakan sebelum ini selari dengan Ismail et al. (2022), Herman et al. (2022), Rafa'al (2022), Utari (2021) dan Sham et al. (2020) dengan penambahan satu lagi faktor dalaman iaitu nilai pendidikan yang rendah dalam kalangan ahli keluarga atau ibu bapa.

Ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak agar menjadi manusia berguna, maka jika ibu bapa sendiri tidak mempunyai ilmu agama yang cukup serta tidak mengamalkannya ia akan memberikan kesan yang buruk kepada anak-anak itu sendiri. Ia disokong oleh dapatan kajian Mohamed et al. (2022) dan Ibrahim et al. (2020) yang menunjukkan bahawa ketidakpatuhan ibu bapa terhadap ajaran agama Islam menjadi salah satu faktor keruntuhan akhlak remaja. Ibu bapa dianggap sebagai 'role model' kepada anak-anak yang akan mengikuti setiap tingkah laku dan sikap ibu bapa mereka serta perlu memastikan anak-anak memahami tanggungjawab mereka diciptakan serta menjadi masyarakat yang mampu memberi manfaat, tidak lain hanyalah untuk mencari reda Allah SWT (Nasiruddin et al., 2021). Selain itu, sifat ingin tahu dan mencuba perkara baharu juga menyebabkan remaja terjerumus dalam kancah keruntuhan akhlak masa kini tanpa menghiraukan sebab dan akibat dari perbuatan tersebut (Kirin, 2024).

Seterusnya, faktor luaran pula melibatkan persekitaran yang terbuka, penguatkuasaan undang-undang atau peraturan yang bebas dan longgar, pengaruh rakan dan pengaruh media sosial. Anak-anak atau remaja meluangkan masa lebih banyak dengan rakan-rakan di sekolah berbanding ahli keluarga terutamanya ibu bapa di rumah. Situasi ini boleh mendatangkan pengaruh negatif kepada anak-anak atau remaja sekiranya tiada pemantauan yang rapi terhadap hubungan sesama rakan di sekolah. Dalam konteks penggunaan teknologi moden seperti internet dan media sosial, penggunaannya tanpa kawalan memberi impak negatif terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja dari aspek keganasan dan pornografi, fesyen, hubungan sillaturahim serta perkataan dan perbuatan (Noor Zainan et al., 2021). Dapatan kajian Razak et al. (2021) mendapati bahawa gejala pornografi semakin meningkat dalam kalangan remaja lingkungan umur 11-22 tahun yang mempengaruhi akhlak dan pemikiran mereka. Peranti yang semakin canggih seperti telefon pintar membolehkan remaja mengakses laman sesawang dan kandungan pornografi dengan mudah seterusnya menyebabkan ketagihan yang semakin sukar dirawat jika tidak ditangani pada peringkat awal. Oleh yang demikian, semua pihak termasuk kerajaan dan institusi pendidikan perlu memainkan peranan sewajarnya dalam pembentukan akhlak remaja Muslim dalam menangani isu keruntuhan akhlak dan moral remaja masa kini.

Jenis-Jenis Masalah Akhlak Remaja Muslim

"Ini perlu bagi kategori sebenarnya. Tapi antara paling ketara sekarang, yang kajian pun dah banyak dibuat kalau bacalah kan, zina la paling banyak. Itu lah. Zina yang paling banyak. Cuma mutakhir ini ada kerana kurang kasih sayang atau kurang perhatian. Akhirnya tengok, punya lah latar belakang keluarga ni macam ni, dia ni macam ni, rupanya basic pada pelajar tu bermasalah" (PK1)

"Dia sebenarnya jenis masalah ni mula-mula berpunca daripada rokok. Pelajar-pelajar ni yang antaranya mula daripada rokok. Lepas tu terlalu berlebihan tidak terkawal dalam menggunakan aplikasi. Tengok siapa anak-anak berkawan

sebenarnya. Haa dia tengok. Tengok apa aktiviti dalam media sosial. Penglibatan kepada dadah, itu yang paling utama” (PK2)

“Isu dadah, khalwat, dating, couple, mencuri. Mula isu-isu LGBTQ. Termasuk yang paling parah sekali, isu Aqidah” (PK3)

“Jenayah is of course dah consider yang berat lah. Kalau dari projek saya, masalahnya of course yang utama adalah menipu. Kalau dari segi sumbang mahram, terutama kepada yang sudah terdedah kepada pornografi” (PK4)

Berdasarkan petikan transkripsi di atas, terdapat beberapa jenis masalah akhlak dalam kalangan remaja Muslim seperti penzinaan, merokok, ketagihan media sosial, penyalahgunaan dadah, isu khalwat, perbuatan mencuri, berpasangan tanpa pernikahan yang sah, LGBTQ, jenayah, penipuan, sumbang mahram dan pornografi. PK1 menyatakan bahawa kes penzinaan paling banyak berlaku dalam kalangan remaja Muslim disebabkan faktor kurang kasih sayang, kurang perhatian dan latar belakang keluarga yang bermasalah. PK2 pula menegaskan bahawa perbuatan merokok, ketagihan media sosial dan penyalahgunaan dadah merupakan masalah akhlak utama remaja Muslim pada hari ini berpunca dari pengaruh rakan. Seterusnya persepsi PK3 dan PK4 lebih menjurus kepada pergaulan remaja Muslim yang tidak terkawal dan songsang menyebabkan timbulnya isu dan kes-kes seperti sumbang mahram, pergaulan bebas antara remaja berlawanan jantina, LGBTQ dan khalwat yang berpunca dari ketagihan pornografi. Isu akidah juga diletakkan sebagai masalah akhlak remaja Muslim masa kini oleh PK3, diikuti oleh perbuatan mencuri dan penipuan.

Kesemua jenis-jenis masalah akhlak yang telah dinyatakan oleh peserta kajian (PK1-PK4) merupakan asas utama dalam kajian-kajian lepas dan terkini berkaitan akhlak remaja Muslim yang semakin runcing dan membimbangkan saban hari. Ia telah memberi kesan kepada remaja atau individu itu sendiri, keluarga dan masyarakat dengan imej yang buruk serta berlaku peningkatan kadar jenayah dalam kalangan remaja seperti yang dilaporkan oleh Abdul Rahim et al. (2022). Menurut Ibrahim et al. (2020), keruntuhan akhlak merujuk perlakuan yang melanggar etika Islam dan norma kehidupan yang membawa kepada kerosakan jiwa dan nilai-nilai yang baik dalam dirinya seperti ponteng sekolah, melawan guru, pembulian dan sebagainya. Masalah ini jika tidak dibendung boleh membawa kepada salah laku keruntuhan akhlak yang lebih serius seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, minum minuman keras, penyalahgunaan dadah, pelacuran, isu pembuangan bayi dan pelbagai lagi gejala sosial yang lain. Oleh yang demikian, semua pihak perlu menggembelng tenaga dan usaha untuk menangani masalah-masalah tersebut dari terus menular dalam masyarakat melalui rawatan-rawatan yang sesuai.

Rawatan Terhadap Masalah Akhlak Remaja Muslim

“Di sekolah (berjumpa dengan kaunselor). Di Klinik Kesihatan berhampiran (saringan atau penilaian, sekiranya perlu remaja akan dirujuk ke pakar psikiatri atau kaunselor klinikal di Klinik Kesihatan. Di Klinik Pakar Psikiatri (kebiasaannya rujukan daripada pegawai perubatan selepas saringan atau penilaian penguat primer. Pemerhatian berkaitan moral atau tingkah laku, penilaian terhadap simptom yang dialami serta kesan terhadap aktiviti seharian serta fungsi individu tersebut dan tindakan atau hubungan individu tersebut terhadap orang lain. Beri sokongan kepada remaja tersebut dengan mendengar

dengan empati tanpa menghakimi mereka. Bagi ibubapa dan penjaga juga mereka seharusnya menerima remaja berkenaan dan tidak menyisihkan remaja bermasalah serta memberi sokongan berterusan. Bergantung kepada penilaian dan diagnosis pakar psikiatri. Contoh ubatan yang diberikan ialah untuk masalah ketagihan, hiperaktif atau kesukaran tidur” (PK5)

“Kalau dia perlukan kaunseling, dia boleh datang berjumpa kaunselor. Kalau kata di Malaysia ini, amalannya, sebab kaunselor ini bukan perkhidmatan yang menyeluruh. Dia boleh pergi ke klinik kesihatan untuk berjumpa pakar psikologi degree kesihatan. Bila kita melaksanakan perkhidmatan psikologi ataupun apabila kita mula menjalankan sesi kaunseling kepada pelajar-pelajar yang bermasalah akhlak, kita akan lihat sejauh mana isu dan konflik itu memberi kesan kepada emosi dan psikologi dan kefungsi harian remaja tersebut” (PK6)

Berdasarkan petikan transkripsi di atas, rawatan terhadap masalah akhlak remaja Muslim boleh dilaksanakan berdasarkan kes-kes tertentu berdasarkan keperluan remaja itu sendiri. Jika mereka memerlukan kaunseling, maka kaunselor bertanggungjawab untuk membantu remaja Muslim tersebut, manakala jika melibatkan kes-kes yang tidak boleh ditangani oleh pihak kaunselor, ia perlu dirujuk kepada pakar kesihatan selepas saringan dibuat oleh kaunselor. Seterusnya, jika kes tersebut telah disaring oleh pakar kesihatan dan memerlukan rujukan kepada pakar psikiatri, maka mereka akan dibawa ke pakar psikiatri selepas penilaian penguat primer menurut PK5.

PK5 juga menyatakan bahawa penilaian dilakukan melalui pemerhatian berkaitan moral atau tingkah laku, penilaian terhadap simptom yang dialami serta kesan terhadap aktiviti seharian serta fungsi individu tersebut dan tindakan atau hubungan individu tersebut terhadap orang lain. Tambahan pula, remaja perlu diberi sokongan melalui pendengaran dengan sikap empati tanpa menghakimi mereka. Bagi ibubapa dan penjaga juga mereka seharusnya menerima remaja berkenaan dan tidak menyisihkan remaja bermasalah serta memberi sokongan berterusan. Ia bergantung kepada penilaian dan diagnosis pakar psikiatri. Contoh ubatan yang diberikan mengkhususkan untuk ketagihan, hiperaktif atau kesukaran tidur. PK6 menambah bahawa perkhidmatan kaunseling di Malaysia bersifat menyeluruh kerana terdapat kaunselor di klinik kesihatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang psikologi kesihatan. Maka kedua-dua peserta kajian memberi maklum balas yang sama dan selari iaitu kes-kes akhlak remaja Muslim dirawat bermula dengan kaunselor, diikuti pegawai perubatan seterusnya pakar psikiatri mengikut tahap kes-kes tersebut.

Kesimpulan

Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa tahap keruntuhan akhlak remaja Muslim pada hari ini sangat meruncing dan membimbangkan. Ia berpunca dari faktor dalaman dan faktor luaran yang menjadi ancaman dan cabaran besar dalam pembentukan generasi pelapis negara pada masa depan. Kesan-kesan keruntuhan akhlak remaja Muslim bukan sahaja kepada diri sendiri, malahan memberi kesan negatif kepada keluarga dan masyarakat. Maka, rawatan-rawatan tertentu diperlukan sama ada berbentuk spiritual, psikologi mahu pun perubatan agar remaja kembali sembuh mental, emosi dan jasadnya demi melahirkan remaja yang sihat dan stabil demi pembangunan sebuah negara bangsa madani yang diidamkan oleh kerajaan Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini ditaja sepenuhnya oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) di bawah Geran Insentif Penyelidikan (GIP) FASA 3/2021 bertajuk 'Pembangunan Model Akhlak Remaja Berteraskan Tahfiz (MART) di Malaysia'

Rujukan

- Abdullah, S. S. (2022). Kebimbangan dan Peranan Ibu dalam Menjaga Akidah dan Akhlak Anak-anak dalam Era Digital. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 195-207.
- Abidin, M. Z. H. Z., Yusof, M. Y., Hassan, P., Yaacob, H. R. M., & Abd Razak, M. I. (2024). Sorotan Elemen Sahsiah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Pondok Terpilih di Negeri Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 9(65), 41-51.
- Aziddin, M. A. B. (2018). *Metode Bimbingan Islami di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja Perempuan Baitul Ehsan di Daerah Sabak Bernam Selangor Malaysia* [Tesis PhD Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan].
- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., & Zainuddin, N. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial Dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 118-129.
- Bakar, S. A., Azizan, N. I., Ismail, N., & Dimon, Z. (2017). Kaedah Al-Quran dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 10(1), 57-77.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *e-BANGI Journal*, 17(9), 75-89.
- Desa, N., Puji, T. I. Z. T., & Mohamad, S. (2023). Menangani keruntuhan akhlak masa kini menurut Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 3(1), 55-63.
- Herman, H., Sufriyanto, S., & Ida, N. (2022, July). Planting Values of Islamic Religious Education to Prevent Bullying Behavior. In *Prosiding International Conference on Sustainable Innovation (ICoSI)* (Vol. 2, No. 1), 65-72.
- Hodzori, N. K., Majid, L. A. & Abdullah, W. N. W. (2020). Pembudayaan Positif di Sekolah dalam Mencegah Remaja daripada Berpacaran. *Sains Insani*, 5(1), 8-13.
- Ibrahim, A. F., Norismail, U. N., Mujahid, N. R., & Abd Rahman, N. N. H. (2020). Persepsi Remaja Terhadap Kepatuhan Agama Ibu Bapa: Kajian Lokaliti di Malim, Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 3(1), 84-92.
- Ismail, A. M., & Mujani, W. K. (2020). Had Kebebasan Bersuara dalam Hak Kebebasan Beragama di Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal*, 7(2), 176-192.
- Ismail, W. A. F. W., Mutalib, L. A., Saleh, N. S. S. N., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Husin, S. N. M. S., ... & Kahar, N. S. A. (2022). Issue Of Moral Degradation Among Muslim Adolescents in Malaysia: Issues, Challenges and Suggested Solutions. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47-61.
- Ismail, W. A. F. W., Mutalib, L. A., Saleh, N. S. S. N., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Husin, S. N. M. S. & Kahar, N. S. A. (2022a). Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47-61.
- Ismail, W. A. F. W., Sahdan, Z., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., Saleh, N. S. S. N., Mamat, Z. & Alias, M. A. A. (2022b). Keruntuhan Institusi Kekeluargaan dan Perzinaan Remaja Muslim di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 35(1), 19-38.
- Kirin, A. (2024). Tahap Keruntuhan Akhlak Remaja: Kajian Kes UTHM Pagoh. *Human Sustainability Procedia*, 4(1), 35-45.

- Mohamed, W. N. W., Mustafa, Z., Ismail, M. K. A., Zin, M. N. M., & Din, N. M. N. (2022). Penilaian Pasca Pesalah Penyalahgunaan Dadah Terhadap Amalan Keagamaan Individu dan Ibu Bapa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(49), 75-84.
- Muda, T. E. A. T., Hamid, N. A. B. A., Rashid, A. B. M., Bakar, N. H. B., & binti Azmi, N. (2017). Kesalahan Akhlak Dan Perkaitannya Dengan Faktor Kematangan, Kerohanian Dan Kesedaran Kendiri Individu. *Repository YARSI*, 69-80.
- Musa, N. A., & Ahmad, N. A. (2021). Penerapan Pembentukan Sahsiah Melalui Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia. In *Educational Development & Innovative Technological Applications for Improving Societal Wellbeing*, 101.
- Nasiruddin, N. H., bin Abdul Karim, M. S., Mahmoud, A. M. A., & Yunos, M. F. M. (2021). Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Generasi Rabbani Melalui Penerapan Agama Dalam Institusi Kekeluargaan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(41), 136-144.
- Nawawi, N. A., Jalil, S. J. A., & Sham, F. M. (2022). Pengamalan Agama Berdasarkan Konsep Al-Falah Terhadap Remaja. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 11-28.
- Rafa'al, M. (2022). Jama'ah Tabligh Dan Dakwah: Strategi Pembinaan Akhlak Pada Remaja Muslim di Desa Tabahidayah Kabupaten Halmahera Selatan Provinsi Maluku Utara. *MANDAR: Social Science Journal*, 1(2), 157-164.
- Rahim, A. A. A., Lau, N. H., Samat@Darawi, A. B. (2022). Isu Etika dan Moral Remaja Masa Kini. In *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan*, 4(2), 265-275.
- Razak, T. M. T. A., Alim, N. N. A. A., Kamaruddin, N. K., Lateh, N., & Hashim, N. (2021). Pornografi dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 67-78.
- Salleh, N., Badaruddin, F. H., Ismail, I., Rasit, R. M., & Nor, A. Y. M. (2022). Pendekatan Tasawuf Dalam Pembangunan Sahsiah Generasi Z di Malaysia. *International Journal of Social Science Research*, 4(2), 150-160.
- Sham, F. M., Nazim, A. M., Mastor, K. A., & Radzi, A. M. (2020). Religiosity as mediator in reducing misconduct of adolescents-at-risk. *Journal of religion and health*, 59, 2096-2109.
- Suhaime, A. N. M., Mansor, N. H., Rekan, A. A., Jodi, K. H. M., & Abidin, M. S. Z. (2023). Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi Berasaskan Pendekatan Psikospiritual Islam: Satu Analisis Keperluan. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 25(1), 253-290.
- Tantowi, A., & Munadirin, A. (2022). Konsep Pendidikan Akhlak Dalam Al-Quran Surat Al-an'Am Ayat 151 Pada Era Globalisasi. *al-Afkar, Journal for Islamic Studies*, 351-365.
- Utari, D. N. (2021). *Penerapan Akhlakul Karimah Dalam Kehidupan Remaja Muslim Di Desa Sei Raja Kecamatan NA IX-X Kabupaten Labuhanbatu Utara* [Tesis Phd Universitas Islam Negeri Sumatera Utara].
- Yaacob, N. (2022). Aliran Akidah Umat Islam Terhadap Sifat Khabariyyah. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(2), 50-67.
- Yama, P., Mohd Hilmi, S. N., Che Omar, S. A. & Sudi, S. (2021). Ikhtilat Menurut Al-Quran Dan Kesannya Terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Masa Kini. In *e-Proceeding of the 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020 (THIQAH 2020)*, 131-138.
- Zainan, N. I. N., Ismail, M. K. A., & Mat Jusoh, N. A. (2021). Impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar: Satu tinjauan awal. In *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*, 98-103.

Zurita, N. A. A. M., & Engku Alwi, E. A. Z. (2022). Hubungan Akidah dan Akhlak dalam Pembentukan Individu Muslim di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(4), 101-111.